

**PERLAKSANAAN PROGRAM INKLUSIF BAGI PELAJAR
PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN
DI PROGRAM INTERGRASI**

MURNIE BTE HASSAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PERLAKSANAAN PROGRAM INKLUSIF BAGI
PELAJAR-PELAJAR PENDIDIKAN BERMASALAH
PEMBELAJARAN DI PROGRAM INTERGRASI

MURNIE BTE HASSAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

Istimewa Untuk

*Ibu Bapa, Mohd. Firdausi Aidid Dan Azwa Nurjannah
Serta Ahli Keluarga Yang Selalu Memberi Galakkan Dan Kerjasama*

Juga

*Pihak Pentadbir Dan Rakan Setugas Di SMK Tengku Mahkota, Muar Yang
Bertimbangrasa, Memahami Keadaan Dan Memberi Pelepasan Serta Kelonggaran
Kepada Saya Untuk Mengikut Kelas Pada Hujung Minggu.*

*Penyelia Yang Dihormati Dr. M. Al-Muz-zammil Bin Yasin Yang Sentiasa Memantau
Serta Memberi Bimbingan Dan Tunjuk Ajar Dari Semasa Ke Semasa.*

Rakan-Rakan Yang Banyak Membantu Dan Memberi Galakkan

*Dorongan Dan Komitmen Kalian Telah Menguatkan Semangatku
Untuk Meneruskan Perjuangan Jihad Yang Tidak Berkesudahan Ini*

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. M. Al-Muz-zammil Bin Yasin kerana sangat sabar tidak jemu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dari permulaan kajian sehinggalah selesai kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pensyarah UTM yang pernah mencurahkan ilmu mereka di kelas Pesisir Muar ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak pentadbir di enam belas buah Sekolah Menengah di Daerah Muar/Ledang, Segamat dan Batu Pahat, Johor kerana memberi kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini. Kerjasama daripada guru-guru di semua sekolah menengah ini juga amat saya hargai kerana mereka sudi meluangkan masa untuk menjadi responden dalam kajian saya ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan seperjuangan terutama Ahmad Shamzari yang telah sama-sama mengharungi segala suka duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setia kawan dan keikhlasan membantu serta sedia berkongsi maklumat akan saya ingat buat selamanya.

ABSTRAK

Kajian yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap Pelaksanaan Program Inklusif bagi Pelajar Bermasalah Pembelajaran (PIBP) yang dilaksanakan di sepuluh buah sekolah menengah yang melaksanakan PIBP di Daerah Muar dan Ledang, Johor. Kajian ini melibatkan sampel seramai 92 orang guru di kalangan guru mata pelajaran di aliran perdana yang terlibat mengajar pelajar pendidikan khas secara langsung melalui pelaksanaan Program Inklusif di sepuluh buah sekolah menengah terpilih yang dikaji. Data dikumpulkan melalui soal selidik dan temubual. Temu bual dalam bentuk kualitatif telah dijalankan terhadap tiga orang guru yang dipilih dari populasi yang sama. Data yang dipungut telah dianalisis dengan menggunakan kaedah QDA (Qualitative Data Analysis). Semua pendapat daripada penemubual telah direkodkan dan dirakamkan oleh penyelidik. Data kuantitatif telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 17.0. Analisis data mendapati bahawa secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelaksanaan program ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan kadar sederhana. Di samping itu, permasalahan yang timbul dalam melaksanakan program inklusif bagi pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran juga telah dikenal pasti. Akhirnya, cadangan untuk mengatasi masalah juga telah dikemukakan dalam kajian ini.

ABSTRACT

Studies conducted is intended to identify the level of implementation of Inclusive Program for earning Disabilities Student (PIBP) implemented in ten secondary school at Muar and Ledang in Johor. The study involved a sample of 92 teachers of mainstream subjects that involved in teaching special education students directly through the implementation of Inclusive Program in ten selected secondary schools studied. Data were collected through questionnaires and interviews. Qualitative interviews were conducted in the form of three teachers selected from the same population. The collected data were analyzed using QDA (Qualitative Data Analysis). All opinions of the interviewers were recorded and recorded by researchers. Quantitative data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 17.0. Analysis of the data found that as a whole shows that the implementation of this program has been designed and implemented with a moderate pace. In addition, the problems that arise in implementing inclusive programs for special education students with learning disabilities have also been identified. Finally, a proposal to solve the problem had been highlighted in this study.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.6.1 Guru Pendidikan Khas	12

1.6.2	Guru Perdana	13
1.6.3	Pelajar Pendidikan Khas	13
1.6.4	Pihak Pentadbiran Sekolah	14
1.7	Skop Kajian	14
1.8	Batasan Kajian	15
1.9	Definisi Istilah / Operasional	15
1.10	Kesimpulan	20
2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	21
2.2	Program Inklusif	22
2.2.1	Tujuan Program inklusif	22
2.2.2	Jenis-Jenis Inklusif	23
2.2.3	Bilik Resos	24
2.2.4	Guru Resos	24
2.2.5	Jumlah Waktu Pengajaran Guru Resos	24
2.2.6	Tugas dan Tanggungjawab Guru Resos	25
2.3	Kajian Lepas	27
2.3.1	Kajian Luar Negara	28
2.3.2	Kajian Dalam Negara	29
2.4	Teori Pembelajaran	32
2.5	Kesimpulan	33
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34

3.3	Lokasi Kajian	36
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	37
3.5	Instrumen Kajian	39
3.5.1	Soal Selidik	39
3.5.2	Temubual	44
3.6	Pengumpulan Data	46
3.7	Kajian Rintis	47
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	53
3.8.1	Kesahan	53
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	55
3.9	Penganalisan Data	56
3.9.1	Tatacara Analisis Data Kajian	57
3.9.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kualitatif	59
3.10	Kesimpulan	60

4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	61
4.2	Taburan Pengagihan Soal-selidik Kajian	62
4.3	Latar Belakang Responden	62
4.3.1	Jawatan	63
4.3.2	Pengalaman Mengajar/Bekerja	63
4.3.3	Pengalaman Mengajar / Bekerjasama Bersama Pendidikan Khas	64
4.3.4	Jantina	65
4.3.5	Umur	65
4.3.6	Maklumat Kehadiran Kursus	66

4.3.7	Tempoh Kursus	66
4.4	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	67
4.4.1	Analisis Persoalan Kajian 1 : Melihat Apakah Keperluan-Keperluan Khusus Yang Diperlukan oleh Guru-Guru Bagi Menginkluskikan Pelajar-Pelajar Khas Ke Dalam Aliran Perdana	68
4.4.2	Analisis Persoalan Kajian 2 : Melihat Sejauhmanakah Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Mereka Bergaul Dan Bersosial, Tingkahlaku Dan Disiplin Serta Pengurusan Masa.	73
4.4.2.1	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Mereka Bergaul Dan Bersosial	73
4.4.2.2	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Tingkahlaku Dan Disiplin	81
4.4.2.3	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Pengurusan Masa	88
4.4.3	Analisis Persoalan Kajian 3 :Apakah Langkah Penambahbaikan Yang Dapat Diambil dari Segi Kebolehan Bergaul dan Bersosial, Tingkahlaku dan Disiplin Serta Pengurusan Masa Di Kalangan Pelajar Khas Bagi Meningkatkan Prestasi Mereka Di Bilik Darjah Perdana	94
4.4.3.1	Penambahbaikan Bagi Meningkatkan Kebolehan Bergaul Dan Bersosial	

	Di Kalangan Pelajar Khas Di Program Inklusif	95
4.4.3.2	Penambahbaikan Bagi Meningkatkan Kebolehan Tingkah Laku dan Disiplin Di Kalangan Pelajar Khas Di Program Inklusif	96
4.4.3.3	Penambahbaikan Bagi Meningkatkan Kebolehan Pengurusan Masa Di Kalangan Pelajar Khas Di Program Inklusif	97
4.5	Rumusan Analisis Data	98
4.6	Kesimpulan	100

5 DAPATAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	101
5.2.1	Maklumat Latar Belakang Responden	103
5.2.2	Melihat Apakah Keperluan Khusus Yang Diperlukan Oleh Guru-Guru Bagi Menginkluskikan Pelajar Khas Ke Dalam Aliran Perdana	106
5.2.3	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Mereka Bergaul Dan Bersosial	109
5.2.4	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Tingkah Laku dan Disiplin	113

5.2.5	Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Mengurus Masa	116
5.2.6	Langkah Penambahbaikan Yang Dapat Diambil Dari Segi Kebolehan bergaul dan Bersosial, Tingkah Laku dan Disiplin Serta Pengurusan Masa Di Kalangan Pelajar Khas Bagi Meningkatkan Prestasi Mereka Di Bilik Darjah Arus Perdana	119
5.3	Cadangan Penambahbaikan Perlaksanaan Program Inklusif	124
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	124
5.5	Kesimpulan	125
	RUJUKAN	128
	LAMPIRAN	136

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Fungsi Dan Tanggungjawab Guru Resos	25
3.1	Senarai nama Sekolah Yang Terlibat	36
3.2	Taburan Populasi Kajian	38
3.3	Pembinaan Item Melalui Perbincangan Dengan Penyelia	41
3.4	Pembinaan Item Melalui Perbincangan Dengan Penyelia	42
3.5	Skala Likert	43
3.6	Taburan Bagi Item Soal Selidik	44
3.7	Analisis Pekali Kebolehpercayaan ' <i>Alpha Cronbach</i> ' Mengikut Item Soal Selidik Bagi Kajian Rintis 1 (<i>Alpha Cronbach If Item Deleted</i>)	48
3.8	Penambahbaikan Item Soalan Berdasarkan ' <i>Alpha Cronbach If Item Deleted</i> '	49
3.9	Analisis Pekali Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> Mengikut Soal Soal Selidik Bagi Kajian Rintis 2 (<i>Alpha Cronbach If Item Deleted</i>)	53
3.10	Penambahbaikan Item Soalan Berdasarkan ' <i>Alpha Cronbach If Item Deleted</i> '	53
3.11	Jadual Statistik Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	55
3.12	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	57
3.13	Tahap Pemingkatan Min	58
3.14	Proses Penganalisan Data Kualitatif	59
4.1	Taburan Responden Mengikut Jawatan	63

4.2	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar / Bekerja	64
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar / Bekerjasama Pendidikan Khas	65
4.4	Taburan Responden Mengikut Jantina	65
4.5	Taburan Responden Mengikut Umur	66
4.6	Taburan Responden Berkaitan Maklumat Kursus	66
4.7	Taburan Responden Berkaitan Tempoh Kursus	67
4.8	Maklum Balas Responden Terhadap Item-Item Keperluan Khusus Pembelajaran Pelajar Khas Dalam Kelas Inklusif Mengikut Min Dan Sisihan Piawai	71
4.9	Maklum Balas Responden Terhadap Item-Item Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Mereka Bergaul dan Bersosial	75
4.10	Maklum Balas Responden Terhadap Item-Item Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Tingkah Laku dan Disiplin	83
4.11	Maklum Balas Responden Terhadap Item-Item Prestasi Pelajar Khas Di Bilik Darjah Aliran Perdana Berdasarkan Kepada Kebolehan Pengurusan Masa	89
4.12	Perlaksanaan Program Inklusif Bagi Pelajar Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Di Program Intergrasi Mengikut Min Dan Sisihan Piawai	94
4.13	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	98

SENARAI SINGKATAN

SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
Bil	-	Bilangan
M	-	Min
SD	-	Sisihan Piawai
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
ABM	-	Alat Bantu Mengajar
P & P	-	Pembelajaran dan Pengajaran
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju
SS	-	Sangat Setuju
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPNJ	-	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
PKBP	-	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
MBK	-	Murid Berkeperluan Khas
LD	-	Learning Disability

SENARAI SIMBOL

%	-	Peratus
f	-	Kekerapan

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Borang Soal Selidik
B	Nilai Analisis Data- Kajian Sebenar
C	Transkripsi Temubual Responden G1
D	Transkripsi Temubual Responden G2
E	Transkripsi Temubual Responden G3
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian PPD Muar
G	Surat Pengesahan Menjalankan Kajian UTM
H	Surat Pengesahan Menjalankan Kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan inklusif melibatkan pelajar-pelajar pendidikan khas yang terdiri daripada pelajar yang mengalami masalah penglihatan (BL), masalah pendengaran (BD) atau masalah pembelajaran (BP). Namun dalam kajian ini, penekanan hanya diberikan kepada pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran (BP) sahaja.

Apakah yang dimaksudkan dengan program inklusif? Sebagaimana yang dijelaskan oleh Lewis dan Doorlag (2003), inklusif merupakan istilah yang sering digunakan kini untuk menerangkan tentang penempatan bagi pelajar berkeperluan khas di dalam pendidikan arus perdana. Ini menunjukkan bahawa inklusif adalah program yang dirancang khas untuk menempatkan murid berkeperluan khas (MBK) agar dapat belajar bersama pelajar normal di kelas aliran perdana.

Di mana program inklusif ini dilaksanakan? Menurut Maklumat Pendidikan Khas 2008 (2008), program ini diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik/vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif. Ini menunjukkan bahawa program inklusif ini turut dilaksanakan di Program Pendidikan Khas Intergrasi Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP) di sekolah-sekolah harian biasa yang terpilih.

Mengapakah program inklusif ini penting bagi pelajar-pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran? Kehadiran pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran (PKBP) sering tidak dialu-alukan dan tidak diterima oleh sesetengah orang sehinggakan mereka tidak mendapat peluang mengikuti pembelajaran sebagaimana yang sepatutnya. Wood (2002) menyatakan bahawa sejarah telah membuktikan bahawa kebanyakan pelajar berkeperluan khas telah dinafikan hak kebebasan asasi mereka. Akibatnya, pelajar ini tidak mendapat peluang pendidikan, dikenakan bayaran apabila memerlukan penggunaan kemudahan khas atau tidak dibenarkan menggunakan atau mendapatkan kemudahan khas tersebut. Perkara sama turut terjadi di Malaysia. Adalah diharapkan lama kelamaan bila mana masyarakat Malaysia telah semakin berpendidikan dan berkesedaran maka perkara ini semakin diberi perhatian dan nasib pelajar khas semakin terbela namun ia memerlukan banyak lagi usaha yang bersungguh-sungguh dari banyak pihak.

Sehubungan ini, program inklusif di PPKI(BP) perlu dilaksanakan memandangkan ia membuka peluang kepada pelajar-pelajar khas bermasalah pembelajaran mendapat pendidikan yang lebih baik, mengizinkan mereka mendapat peluang menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah biasa, bergaul dan bermasyarakat bersama-sama pelajar-pelajar normal, mengalami situasi dan suasana pembelajaran yang lebih normal sebagaimana pelajar aliran perdana yang lain. Ia juga bertepatan dengan ketetapan 'Public Law 94-142 part B' yang dipetik dari Voughn, Bos dan Schumm (2003) yang menyatakan bahawa undang-undang yang telah dimaktubkan dalam tahun 1975 di peringkat antarabangsa ini telah memberi peluang pendidikan kepada semua pelajar berkeperluan khas. Ia menghendaki agar semua negara menyediakan kemudahan kepada golongan ini untuk mengikuti pendidikan awam sepenuhnya seawal usia 5 tahun hingga 18 tahun di samping memperkenalkan dan melaksanakan konsep "least restrictif invirontment" di mana pelajar berkeperluan khas diberikan hak mendapatkan pendidikan dalam suasana yang tidak terhad.

Selain daripada itu, program inklusif ini perlu dijalankan bersungguh-sungguh di negara kita bagi menyedarkan dan memperbaiki sikap masyarakat yang masih kerap silap dan mempunyai stigma negatif terhadap MBK sehingga melabel mereka dengan berbagai istilah negatif yang akhirnya membawa kesan kurang memberangsangkan di kalangan mereka. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian Shifrer dan Callahan (2012) yang membuat kenyataan, kedua-dua pihak samada guru mahupun ibu bapa memandang rendah terhadap pencapaian pendidikan bagi pelajar yang dilabel sebagai bermasalah pembelajaran berbanding dengan pelajar yang tidak dilabel sedemikian. Kenyataan Reschly (1996) pula menyatakan bahawa istilah-istilah yang sering digunakan terhadap pelajar-pelajar berkeperluan khas seringkali terdiri daripada perkataan yang mempunyai konotasi negatif. Adalah diharapkan agar penyertaan pelajar PKBP melalui program inklusif khasnya akan dapat mengurangkan stigma masyarakat terhadap golongan ini seterusnya mampu mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan mereka terhadap sesuatu kemahiran.

Oleh yang demikian, program inklusif sememangnya perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh agar pelajar khas dapat diberi peluang bergaul dan belajar dalam suasana yang lebih normal, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian potensi diri mereka dalam berbagai segi walaupun program ini akan menghadapi pelbagai dugaan dalam proses pemantapan perlaksanaannya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Masih terlalu banyak perkara yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas mengenai pelaksanaan program inklusif di Malaysia dengan harapan agar perjalanan perlaksanaannya dapat dimantapkan lagi. Walaubagaimanapun, sehingga hari ini masih lagi kurang kajian berkaitan program pendidikan inklusif yang dijalankan secara umum di Malaysia apatah lagi yang dijalankan khas untuk program inklusif bermasalah pembelajaran. Pendapat ini disokong oleh kenyataan Supiah (2005) bahawa kajian tentang pendidikan inklusif di Malaysia adalah amat sedikit.

Telah dimaklumkan terdahulu bahawa pelajar PKBP kerap dipandang rendah dari segi keupayaan untuk mengikuti sesuatu sesi pembelajaran. Namun begitu, mereka ini boleh dididik agar menjadi lebih bersedia jika menerima layanan, tunjuk ajar dan bantuan yang bersesuaian dan memenuhi keperluannya. Murugiah (1997) berpendapat bahawa faktor motivasi, tekanan emosi, pemilihan mata pelajaran yang sesuai, keyakinan diri dan sikap guru terhadap murid juga mempengaruhi kesediaan seseorang untuk belajar. Kenyataan ini membuktikan bahawa sikap, penerimaan dan layanan guru terhadap pelajar termasuklah pelajar PKBP yang mengikuti program inklusif samasa mereka mengikuti p&p di bilik darjah perdana berupaya menjadi salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kesediaan belajar golongan ini seterusnya mempengaruhi peningkatan atau penurunan pencapaian di kalangan mereka ini.

Namun begitu masih dapat dilihat lagi bahawa sambutan, penglibatan dan penerimaan sebahagian guru aliran perdana masih lagi dingin. Malahan masih terdapat juga segelintir daripada mereka ini yang berpandangan serong terhadap kehadiran pelajar PKBP di kelas arus perdana seterusnya mempertikaikan kewajaran pelaksanaan program inklusif ini serta tidak mengalu-alukan dan cuba mengelak kehadiran pelajar-pelajar inklusif untuk menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran mereka dengan mengemukakan pelbagai alasan. Pendapat berkaitan hal ini turut telah diketengahkan oleh Sue (2012) di mana guru-guru dikatakan mempunyai anggapan negatif dan sering memberikan berbagai alasan dan tidak mahu menerima hakikat bahawa murid pendidikan khas belajar bersama dengan murid aliran perdana. Tambahannya lagi, masalah lebih berat lagi jika ada guru yang tidak mahu menerima murid inklusif tersebut.

Adalah amat dikesali bila mana bukan setakat guru perdana sahaja yang tidak menerima kehadiran pelajar khas ini, malah terdapat juga sebilangan kecil dari kalangan pentadbir didapati tidak dapat menerima kehadiran pelajar inklusif ini secara positif. Mereka berpendapat kehadiran pelajar ini akan menyusahkan urusan pentadbiran dan menjejaskan prestasi sekolah. Menurut Najib dan Sanisah (2006), sesetengah pengetua dan guru

tidak menerima secara positif penempatan murid-murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah mereka. Manakala laporan akhbar *Georgiandaily.com* (2008) pula menyatakan bahawa pihak pengurusan sekolah menolak pelaksanaan program ini di sekolah-sekolah awam dan guru pula tidak mahu melaksanakan kelas bagi pelajar khas ini sekiranya masih dibayar dengan jumlah gaji yang biasa.

Pelajar-pelajar PKBP biasanya mempunyai kemampuan kognitif yang rendah. Nurul Hidayah (2009) berpendapat bahawa pelajar bermasalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang kurang kemampuan belajar disebabkan oleh masalah pemahaman, pertuturan, penulisan dan penyelesaian masalah matematik. Sehubungan itu, kekurangan ini menyebabkan pencapaian dalam akademik mereka juga rendah dan seterusnya menimbulkan pelbagai masalah lain dari berbagai pihak. Sebagai contoh, pihak pentadbir dan guru aliran perdana kurang dapat menerima kehadiran mereka manakala bagi pelajar-pelajar khas pula timbul rasa malu, rendah diri, marah dan sebagainya dalam diri mereka. Kesemua perkara sebegini mengusutkan keadaan yang akhirnya mencacatkan kelancaran pelaksanaan program inklusif ini.

Semasa menyertai program inklusif di aliran perdana, pelajar pendidikan khas yang tidak menguasai kemahiran bersosial dan mengalami rasa rendah diri serta kecewa, sebahagiannya akan mengambil langkah mengundur diri, diam dan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Manakala sebahagiannya pula menunjukkan amalan tingkah laku yang agresif. Hal sebegini turut dinyatakan dalam kajian Supiah (2005), dengan kenyataan pada umumnya MBK (murid berkeperluan khas) yang mempunyai masalah 'kecelaruan mental' (mental disorder) termasuklah masalah emosi dan tingkahlaku, mempunyai helah bela diri yang kental. Akibat kurang cekap mereka dalam menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling membuatkan tingkah laku yang dipamerkan adalah salah atau tidak sesuai dengan kumpulan barunya (kelas perdana) sehingga menjadikan pelajar PKBP di program inklusif dipandang serong, dianggap degil, pemalas serta disalah ertikan oleh banyak pihak.

Kegagalan pelajar PKBP menguasai kemahiran bersosial dan berinteraksi dengan baik ditambah pula oleh kekurangan diri menyebabkan mereka tidak yakin untuk bergaul dan berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru. Pendapat sebegini turut dinyatakan oleh Nurul Hidayah (2009), di mana pelajar yang mempunyai kemahiran sosial yang lemah didapati sukar untuk mencari kawan, diketepikan dan tidak kerap berinteraksi dengan guru. Memandangkan kemahiran berinteraksi sosial ini pasti akan mempengaruhi kejayaan mereka dalam pembelajaran, maka seharusnya pelajar khas terlebih dahulu mampu menguasai kemahiran bersosial dan berkomunikasi kerana kemampuan para pelajar berinteraksi sosial dengan baik mengizinkan mereka mendapat lebih ramai kawan, lebih banyak bantuan dari banyak pihak serta dapat menyalurkan maklumat yang diperlukan dengan tepat agar mereka lebih difahami dan keperluan mereka dapat dipenuhi. Ini bertepatan dengan pendapat Lewis dan Doorlag (2003) yang menyatakan bahawa pelajar berkeperluan khas boleh berjaya dalam pelajarannya di kelas aliran perdana sekiranya mendapat bantuan dari guru dan rakan-rakan sekelasnya.

Bagi memastikan perjalanan program inklusif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, peranan guru adalah amat penting di mana guru-guru yang amat berpengalaman dan berilmu atau mempunyai pendedahan berkaitan pendidikan khas amatlah diperlukan. Kebanyakan guru-guru aliran perdana yang terlibat dalam program inklusif didapati tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran yang cukup untuk mendidik dan mengajar pelajar pendidikan khas ataupun guru-guru ini tidak pernah menerima pendedahan mengenai program ini mahupun hal-hal berkaitan pendidikan khas. Mohd. Hanafi, Hasnah, Shahrudin (2008) menyatakan bahawa guru-guru sanggup menerima cabaran untuk mendidik pelajar-pelajar tersebut tetapi masalah utamanya ialah mereka tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran untuk mendidik pelajar-pelajar sedemikian. Ini menyebabkan salah faham dan rasa kurang senang di kalangan guru-guru perdana terhadap penyertaan pelajar BP melalui program inklusif ini.

Masalah kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian dan memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pelajar inklusif juga menjadi salah satu masalah dalam pelaksanaan program inklusif ini. Perkara ini turut dipersetujui oleh Mohd. Rizal dan Muallimah (2008), yang menyatakan perkara ini mungkin disebabkan kebanyakan guru-guru ini tidak mempunyai pendedahan yang cukup untuk membuat alat bantu mengajar bagi pelajar pendidikan khas. Alat bantu mengajar yang bersesuaian amat diperlukan oleh pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran terutama dalam membantu mereka memahami konsep tertentu. Pembinaan peralatan yang tepat serta penggunaannya yang betul diharap dapat meningkatkan pencapaian pelajar inklusif dalam menguasai sesuatu kemahiran.

Pelajar program inklusif sangat memerlukan khidmat guru damping untuk membantu mereka dari berbagai segi memandangkan guru-guru damping ini biasanya terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai keperluan dan cara mengajar pelajar PKBP dengan lebih tepat dan bersesuaian. Pendapat yang hampir sama turut dikemukakan oleh Kamaliah dan Wan Amimah (2010) yang menyatakan bahawa istimewanya ialah setiap kelas inklusif akan mendapat khidmat guru pendamping dari NASOM. Pelajar inklusif didapati mampu menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih baik sekiranya khidmat guru damping yang tepat digunakan bagi membantu mereka semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah perdana. Ini dibuktikan oleh dapatan Kamaliah dan Wan Amimah (2010) juga dengan kenyataannya bahawa semua murid autistik telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam semua aspek seperti tingkahlaku, komunikasi dan pencapaian akademik. Namun, perkhidmatan ini tidak banyak dibekalkan walaupun pelajar inklusif sangat memerlukannya.

Telah diketahui umum bahawa guru pendidikan khas menerima elaun khas. Sue (2012) menyatakan bahawa guru pendidikan khas dibayar elaun untuk mengajar mereka. Ini merupakan insentif yang disediakan khas oleh pihak kerajaan Malaysia untuk guru-guru pendidikan khas atas dasar memikul tanggungjawab khas. Walaubagaimanapun, tiada elaun khas yang diberikan kepada guru-guru perdana yang terlibat mengajar MBK di program inklusif.

Memandangkan tugas mengajar dan mengawal pelajar ini sangat mencabar bagi guru-guru perdana terutama bagi yang tidak berpengalaman mahupun yang tidak mendapat pendedahan mengenainya, maka tentulah perkara ini menimbulkan rasa kurang selesa dan terbeban di kalangan guru perdana ini. Kadang kala dapat juga didengari rungutan di kalangan mereka ini menyatakan rasa tidak puas hati sebagaimana kenyataan Sue (2012) yang berpendapat timbul persoalan kenapa guru pendidikan khas sendiri tidak mengajar anak murid mereka, kenapa perlu dihantar ke kelas aliran perdana dan pelbagai soalan lagi. Malah ada juga yang menganggap pihak guru pendidikan khas cuba bersikap lepas tangan daripada tanggungjawab mereka.

Bagi menjayakan pelaksanaan program inklusif ini, guru pendidikan khas perlulah memainkan peranan sepenuhnya dengan bertindak sebagai guru resos yang sangat efektif. Kerjasama antara guru pendidikan khas dan guru aliran perdana dalam mengendalikan pelajar khas, membantu menyediakan peralatan yang diperlukan, serta sentiasa dapat memberikan maklumat terperinci dan ilmu berkaitan pelajar khas yang menyertai program inklusif tentunya dapat mengurangkan masalah dan banyak membantu guru perdana mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Ianya mendapat sokongan Ahmad Zailani (2011) menyatakan guru resos dan guru biasa perlu menggunakan kaedah koperatif dan kolaboratif dalam mengendalikan kelas inklusif. Akan tetapi, hubungan kerjasama ini tidak dapat direalisasikan sepenuhnya bila mana tiada khidmat guru resos disediakan oleh pihak unit pendidikan khas sekolah di kebanyakan program inklusif yang dijalankan. Perkara ini mungkin menjadi salah satu punca kepada gagalannya pelaksanaan program inklusif yang berkesan. Dapatan kajian Mohd. Hanafi, Hasnah dan Shahrudin (2008) menunjukkan bahawa semua pengurus sekolah menengah harian menyatakan mereka tidak pernah mendapat khidmat bagi membantu mereka melaksanakan program tersebut.

Pelajar PKBP terdiri daripada pelajar yang mempunyai ketidakupayaan yang berbagai dan memerlukan berbagai teknik p&p. Antara cara p&p yang berkesan bagi mereka adalah secara berkumpulan dengan bilangan pelajar yang kecil. Voughn, Bos dan Schumm (2003) menyokong pendapat ini dengan

kenyataan bahawa beberapa tindakan biasa yang sangat berkesan dalam menentukan kejayaan di bidang akademik bagi pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran adalah dengan mengajar mereka ini dalam kumpulan interaktif yang kecil bilangannya iaitu antara 6 orang atau kurang.

Namun begitu, senario yang biasa kita lihat di Malaysia ialah pelajar PKBP yang mengikuti program inklusif di tempatkan di dalam bilik darjah arus perdana yang biasanya mempunyai jumlah pelajar perdana adalah ramai dan diajar secara beramai-ramai atau secara kelas. Safani dan Hamdan (2002) menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan jasmani kepada pelajar-pelajar khas yang disuarakan oleh guru-guru di sekolah percantuman dan sekolah khas adalah jumlah pelajar yang terlalu ramai untuk pengajaran yang kondusif. Memandangkan bilangan pelajar perdana yang ramai dan ditambah pula dengan kehadiran pelajar-pelajar inklusif menyebabkan bilangan pelajar terus bertambah mengakibatkan guru tidak dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap pelajar inklusif seterusnya menghadkan teknik pengajaran dan pembelajaran secara interaktif yang akhirnya mengurangkan keberkesanan program inklusif.

Memandangkan kepada banyaknya isu yang perlu diberikan perhatian oleh banyak pihak dalam melaksanakan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program inklusif itu sedangkan maklumat-maklumat berkaitannya belum lagi mantap, maka perlulah diambil inisiatif agar kajian berkaitan dengannya dapat dilaksanakan.

1.3 Pernyataan Masalah

Banyak masalah timbul dan banyak juga yang menjadi isu serta perlu diberikan perhatian dalam melaksanakan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan sesatu program inklusif sedangkan maklumat berkaitan dengannya belum lagi mantap. Berdasarkan masalah yang diketengahkan bersama huraian latar belakang berkaitan pelaksanaan program inklusif pelajar-pelajar

pendidikan khas melalui PIBP di sekolah harian biasa, maka kajian ini dijalankan dengan memberikan fokus terhadap dua dimensi utama.

Dimensi pertama adalah berkisar kepada keperluan khusus guru aliran perdana yang terlibat mengajar pelajar-pelajar inklusif dalam mata pelajaran teras iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Agama Islam, Kemahiran Hidup, Geografi dan Sejarah. Namun begitu terdapat juga responden yang terdiri daripada guru mata pelajaran Pendidikan Seni yang menyertai kajian ini. Pendapat mereka dilihat secara keseluruhannya sahaja dari beberapa segi keperluan seperti kemudahan alat bantu mengajar (ABM), perkhidmatan sokongan (seperti khidmat guru resos dan guru damping), kursus pendedahan yang berkaitan dan insentif.

Manakala dimensi kedua pula adalah berkaitan pandangan guru perdana yang terlibat mengajar pelajar PKBP melalui program inklusif berdasarkan kepada pengalaman dan pengamatan guru-guru tersebut sepanjang keterlibatan mereka mengajar pelajar ini. Pada dimensi ini pendapat guru diperolehi berdasarkan kepada tiga bahagian utama iaitu berkaitan perkembangan sosial dan emosi pelajar, keadaan tingkah laku dan disiplin pelajar serta hal-hal berkaitan pengurusan masa pelajar PKBP sepanjang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah perdana.

Isu-isu ini diberikan perhatian memandangkan ianya kerap menjadi sungutan para guru aliran perdana apabila diminta menerima kehadiran pelajar inklusif PKBP di kelas mereka. Ianya sering menjadi tanda tanya dan menjadi salah satu punca timbul rasa tidak puas hati di antara kedua-dua pihak samada guru perdana mahupun guru pendidikan khas. Adalah diharapkan aspek yang dipilih ini dapat membekalkan lebih banyak maklumat berguna berkaitan pelaksanaan program inklusif seterusnya dapat mempertingkatkan keupayaan serta dapat memberikan sumbangan dalam memenuhi keperluan semua pihak yang terlibat di masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan:

- i) Untuk mengenal pasti apakah keperluan khusus yang diperlukan oleh guru-guru aliran perdana bagi tujuan menginkluskikan pelajar-pelajar khas ke dalam aliran perdana.
- ii) Untuk meninjau sejauhmanakah prestasi dan kemampuan pelajar khas di bilik darjah aliran perdana berdasarkan kepada kebolehan mereka bergaul dan bersosial, tingkah laku dan disiplin mereka serta pengurusan masa mereka berdasarkan pandangan guru aliran perdana.
- iii) Untuk mengkaji apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi menambah baik penguasaan kebolehan bergaul dan bersosial, tingkah laku dan disiplin serta pengurusan masa di kalangan pelajar khas ini bagi meningkatkan prestasi mereka di bilik darjah perdana.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan mencari jawapan kepada beberapa persoalan di bawah:

- i) Apakah keperluan-keperluan khusus yang diperlukan oleh guru-guru bagi menginkluskikan pelajar-pelajar khas ke dalam aliran perdana?
- ii) Sejauhmanakah prestasi pelajar khas di bilik darjah aliran perdana berdasarkan kepada kebolehan mereka bergaul dan bersosial, tingkah laku dan disiplin mereka serta pengurusan masa mereka?
- iii) Apakah langkah penambahbaikan yang dapat diambil dari segi kebolehan bergaul dan bersosial, tingkah laku dan disiplin serta pengurusan masa di kalangan pelajar khas ini bagi meningkatkan prestasi mereka di bilik darjah perdana?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini lebih tertumpu kepada mengenal pasti samada kehadiran pelajar-pelajar khas di aliran perdana menerusi program inklusif ini mengalami masalah ataupun menimbulkan masalah kepada guru di bilik darjah perdana yang mereka sertai. Memandangkan isu ini akan memberi impak kepada banyak pihak samada pelajar, guru-guru dan murid-murid pendidikan khas sendiri ataupun mungkin juga kepada pihak pentadbir sekolah, maka adalah sangat perlu masalah ini dikaji. Adalah diharapkan agar melalui kajian ini akan ditemui beberapa penemuan penting di mana hasilnya dapat dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat dengan pendidikan inklusif samada secara langsung mahupun tidak langsung seterusnya membantu meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar khas di samping melancarkan pelaksanaan dan perjalanan program inklusif ini. Dengan bertambahnya maklumat berkaitan PIBG di sekolah-sekolah harian ini, adalah sangat diharapkan agar pihak-pihak tertentu dapat sama-sama memikirkan cadangan penambahbaikan seterusnya dapat dijadikan panduan kepada semua pihak untuk meningkatkan pelaksanaan program inklusif di semua sekolah yang menjalankan program intergrasi bermasalah pembelajaran.

1.6.1 Guru Pendidikan Khas

Guru pendidikan khas akan lebih berfikiran positif serta sabar dalam menjalankan tanggungjawab dan bebanan tugasnya sebagaimana pendapat yang diketengahkan oleh Osman dan Ahmad Ghazie (2007) bahawa guru pendidikan khas perlu sentiasa mengamalkan tahap professional yang tinggi dengan bersabar terhadap perkembangan murid yang sebegini. Diharap mereka akan sentiasa berusaha dan tidak patah semangat untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan berbagai bentuk persediaan serta sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada semua pihak bagi menjamin perkembangan potensi pelajar khas di samping dapat pula memperkembangkan lagi pencapaian potensi guru khas itu sendiri. Sekali lagi pendapat Osman dan Ahmad Ghazie (2007) diguna pakai iaitu guru pendidikan khas digalakkan lebih kreatif dan

berinovasi semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Pendapat ini mempamerkan harapan agar guru pendidikan khas lebih kreatif, dapat menjana idea-idea berkesan dalam menangani masalah pelajar-pelajar khususnya di samping dapat digunakan sebagai maklumat awal bagi membantu pelajar-pelajar khas ini mengharungi dunia inklusif dengan lebih baik.

1.6.2 Guru Perdana

Guru-guru yang terlibat program inklusif ini akan memperoleh pandangan yang lebih jelas berkaitan pelajar-pelajar khas dan lebih sedar akan keperluan serta tanggungjawab mereka membantu pelajar-pelajar khas ini. Input yang diperolehinya diharap akan menjadikan guru ini lebih berlapang dada dan rela hati untuk menerima kehadiran pelajar-pelajar khas di bilik darjah arus perdana seadanya mereka di samping sanggup mendidik pelajar khas dengan rasa tanggungjawab dan penuh empati agar pelajar-pelajar khas dapat mengikuti pengajaran dan pembelajarannya dengan lebih yakin dan tenang. Ini bertepatan dengan kenyataan Rifhan (2011) yang menyatakan bahawa kaedah yang boleh digunakan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran anak Sindrom Down adalah konsep ‘penerimaan’ dan ‘pergaulan’.

1.6.3 Pelajar Pendidikan Khas

Hasil dapatan kajian ini dapat membawa manfaat dan faedah kepada pelajar-pelajar khas bila mana semua pihak yang terlibat mula sedar, mula memberikan perhatian dan memenuhi keparluan pelajar khas maka pelajar khas akan menikmati berbagai bentuk bantuan, dorongan dan sokongan dari semua pihak seterusnya memenuhi keperluan mereka dan menjadikan mereka lebih bersemangat serta mampu mengharungi dunia inklusif dengan lebih yakin dan selesa. Kerjasama rakan-rakan sekelas dan guru-guru mampu meningkatkan kemampuan pelajar khas dalam menerima isi pengajaran dan pembelajaran dengan baik seterusnya menguasai kemahiran mata pelajaran yang dipelajari.

1.6.4 Pihak Pentadbiran Sekolah

Kajian ini dapat memberi input kepada kepada pihak pentadbiran sekolah agar dapat lebih memahami tentang inklusif, prihatin dan bersedia memberi dan menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar khas untuk mencapai potensi diri sebagaimana pendapat Osman dan Ahmad Ghazie (2007) bahawa sokongan pihak pentadbir sekolah dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Seni sangat diperlukan bagi memastikan keberkesanannya dapat dipertingkatkan". Seterusnya, pentadbir turut memahami akan masalah dan kekangan yang timbul di kalangan semua pihak yang lain yang terlibat iaitu guru dan pelajar perdana agar kemudahan dan toleransi dalam pembahagian dan bidang tugas serta peranan setiap pihak dapat diselaraskan dengan harapan tidak timbul masalah kecelaruan yang dirasakan sebagai bebanan tambahan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan tentang pelaksanaan program inklusif yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah harian di daerah Muar dan Ledang sahaja yang menjalankan PPKI(BP). Kajian hanya dilakukan terhadap keperluan guru dalam melaksanakan program ini serta masalah-masalah yang sering ditimbulkan oleh pelajar-pelajar khas yang mengikuti program ini dari aspek kebolehan bersosial, tingkahlaku dan disiplin serta pengurusan masa.

Kajian dijalankan di semua 10 buah sekolah menengah harian biasa di daerah Muar dan Ledang yang menjalankan program inklusif dalam PPKI(BP) di sekolahnya. Memandangkan kajian ini hanya tertumpu kepada daerah-daerah kajian yang berdasarkan kepada objektifnya sahaja dan dalam lingkungan populasi yang terhad di daerah Muar dan Ledang sahaja, maka dapatan daripada kajian ini tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh tentang pelaksanaan dan pengurusan program inklusif ini. Sebarang keputusan yang diperolehi hanya mencerminkan keadaan semasa pelaksanaan program tersebut. Keesahan

maklumat adalah bergantung kepada kejujuran, keikhlasan dan pengetahuan responden berkaitan program inklusif yang disertai mereka.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk tinjauan deskriptif. Ia sekadar meninjau tentang beberapa perkara berkaitan pelaksanaan dan pengurusan program inklusif yang telah dijalankan di program integrasi bermasalah pembelajaran di sekolah-sekolah harian terpilih. Kajian ini akan melibatkan kesemua 10 buah sekolah menengah kebangsaan harian di daerah Muar dan Ledang yang melaksanakannya. Sampel dipilih secara tidak rawak bertujuan dimana responden terdiri daripada semua guru yang mengajar mata pelajaran teras di aliran perdana yang terlibat secara langsung dalam mengajar pelajar-pelajar khas di kelas aliran perdana dalam berbagai mata pelajaran bagi setiap sekolah.

Data-data yang dikumpul adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada semua guru aliran perdana yang mengajar pelajar-pelajar khas secara langsung bagi mata pelajaran teras dalam program inklusif ini. Maka, dapatan yang diberikan oleh guru adalah bergantung kepada keikhlasan mereka semasa menjawab soal selidik dan temubual yang dikemukakan. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru di sekolah rendah yang mempunyai program inklusif di PPKI(BP) di sekolah mereka. Maka data yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah di daerah Muar dan Ledang.

1.9 Definisi Istilah / Operasional

Dalam kajian ini beberapa istilah yang biasa digunakan secara khusus dalam aliran pendidikan khas disertakan pengertiannya agar konsep-konsep berkaitan dengan pendidikan khas dan kajian ini tidak menyimpang serta mengikut kehendak kajian. Penerangannya adalah merujuk kepada beberapa hasil penulisan dan pendapat dari tokoh pendidikan khas.

1.9.1 Intergrasi (intergration)

Integrasi bermaksud memberi pendidikan atau mengajar pelajar berkeperluan khas bersama-sama dengan pelajar biasa berdasarkan kepada prinsip bahawa kanak-kanak berkeperluan khas perlu berkongsi peluang-peluang pendidikan yang disediakan sebagaimana kanak-kanak yang lain. Mengikut British Columbia Ministry Of Education (2011), proses pengintergrasian pelajar-pelajar berkeperluan khas perlu ditempatkan di ruang pembelajaran yang sama sebagaimana rakan-rakan sebayanya yang tidak berkeperluan khas dan dibekalkan dengan kemudahan yang perlu berdasarkan kepada keperluan individu bagi memastikan mereka boleh mencapai kejayaan.

Dalam konteks kajian ini, inklusif adalah penyertaan pelajar-pelajar khas untuk belajar bersama pelajar-pelajar normal di aliran perdana, di kelas aliran perdana, diajar oleh guru perdana yang sama namun diberikan bantuan, bimbingan dan modifikasi yang perlu agar dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat menguasai kemahiran semaksimal mungkin. Ini bertepatan dengan definisi yang diutarakan oleh Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) bahawa program pendidikan intergrasi merupakan sebuah program yang disediakan bagi murid-murid pendidikan khas di sekolah-sekolah aliran perdana.

1.9.2 Aliran perdana (mainstream)

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar edisi 5 (2011) menyatakan bahawa *mainstream* bermaksud aliran utama. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa makna aliran utama adalah aliran perdana di mana pelajar-pelajar normal ditempatkan. Menurut Ensiklopedia Wikipedia (2007) pula, ‘*mainstreaming*’ didefinisikan sebagaimana berikut iaitu berdasarkan konteks pendidikan, ia merupakan satu tindakan yang diambil dalam memberikan pendidikan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam bilik darjah biasa untuk jangka masa yang ditetapkan berlandaskan kepada kemampuan kemahiran mereka. Menurut Watson (2013) pula, ‘*mainstream*’ diistilahkan sebagai penempatan bagi

pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam suasana yang paling kurang menghadkan ataupun bilik darjah biasa. Manakala Stout (2001) pula menyatakan, secara umumnya “mainstreaming” digunakan bagi merujuk kepada penempatan terpilih bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas di dalam bilik darjah biasa.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, dapatlah disimpulkan bahawa istilah “aliran perdana” yang digunakan dalam melaksanakan program inklusif bagi pelajar PKBP membawa makna tempat pelajar PKBP ditempatkan iaitu di kelas-kelas biasa dengan suasana pembelajaran yang biasa, bersama pelajar biasa dalam tempoh masa tertentu untuk mengikuti aktiviti dan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.9.3 Inklusif (inclusion)

Voughn, Bos dan Schumm (2003) menyatakan bahawa inklusif adalah merujuk kepada pendidikan bagi pelajar berkeperluan khas bersama rakan-rakannya yang tidak berkeperluan khas dengan berbekalkan bantuan khas pendidikan dan perkhidmatan ini perlu diberikan bila mana diperlukan. Manakala Wood (2002) pula berpendapat bahawa dalam tahun 1990an, konsep menempatkan pelajar berkeperluan khas di dalam bilik darjah aliran perdana mula dikanali sebagai inklusif. Kamus Dwibahasa Oxford Fajar edisi 5 (2011) pula mendefinisikan ‘inclusion’ sebagai tindakan menyertakan bersama samada orang atau benda yang disertakan bersama. Berdasarkan definisi ini, mengikut konteks pendidikan khas ia membawa makna tindakan menyertakan pelajar-pelajar pendidikan khas bersama-sama pelajar normal.

Berdasarkan Buku Maklumat Pendidikan Khas (2008) pula mendefinisikan separa inklusif sebagai satu pendekatan pendidikan di mana murid-murid pendidikan khas dan aliran perdana belajar bersama di dalam satu kelas bagi subjek-subjek tertentu. Manakala Mohd. Najib dan Sanisah (2006) pula menyatakan bahawa program inklusif ini menitik beratkan suatu program Pendidikan Inklusif bagi murid-murid dengan keperluan khas yang boleh

menghadiri di dalam kelas biasa belajar bersama-sama dengan murid-murid biasa.

Berpandukan pendapat yang telah diberikan, bolehlah dinyatakan di sini bahawa inklusif merupakan satu istilah yang sering digunakan pada hari ini untuk menerangkan tentang penempatan pelajar-pelajar berkeperluan khas menyertai proses pendidikan di aliran perdana. Ia bukanlah sekadar menempatkan pelajar khas belajar bersama pelajar aliran perdana, malah mestilah berlaku di bilik darjah perdana, diajar oleh guru perdana dengan dibantu oleh guru pendidikan khas (guru resos) secara kolaborasi. Pelajar ini haruslah dilayan sama rata sebagaimana pelajar perdana dan pengisian keseluruhan pelaksanaan program tersebut hendaklah membawa kepada impak positif terhadap pelajar khas yang menyertainya. Sebagaimana pendapat Wang (2009) yang membuat kenyataan bahawa secara khusus, program inklusif mensasarkan agar pelajar berkeperluan khas akan mendapat kelebihan dalam mempertingkatkan pencapaian pendidikan termasuklah dalam kemahiran bersosial, pencapaian akademik dan perkembangan kendiri mereka. Manakala Azad Athahiri dan Norsayyidatina (2010) pula menyatakan bahawa pendidikan inklusif bukan sahaja bertujuan menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada golongan berkeperluan khas malahan untuk mewujudkan hubungan kemanusiaan di antara ahli masyarakat.

1.9.4 Bermasalah pembelajaran (learning disabilities)

Pelajar bermasalah pembelajaran (PKBP) mengandungi kepelbagaian masalah yang luas. Namun begitu, beberapa definisi telah berjaya dihasilkan. Antaranya adalah pendapat yang dinyatakan oleh Lewis dan Doorlog (2003) sebagaimana berikut:

“Students with learning disabilities are of average intelligence and learn some things quickly and easily. However, because of deficits in attention, perception, and memory, they acquire other skills only with extreme difficulty.” (p. 219)

Berdasarkan Buku Maklumat Pendidikan Khas 2008 (2008), bermasalah pembelajaran spesifik didefinisikan sebagai kanak-kanak yang menghadapi kesukaran belajar khusus. Manakala Mohd. Hairol (2012) pula menyatakan pendapatnya iaitu kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecatatan yang mengganggu proses pembelajaran.

Colorado Department of Education (2008) pula telah mengeluarkan kenyataan berikut:

“Specific Learning Disabilities means a disorder in one or more of the basic psychological processes involve in understanding or in using language, spoken or written, that may manifest itself in the imperfect ability to listen, think, speak, read, write, spell or do mathematical calculations, including conditions such as perceptual disabilities, brain injury, minimal brain dysfunction, dyslexia, and development aphasia.”
(p. 1)

Berdasarkan kepada National Joint Committee (1991) yang merupakan sebuah badan terkemuka yang aktif memperjuangkan golongan khas, menyatakan bahawa setelah beberapa perbincangan dilaksanakan, satu ketetapan telah dapat dicapai berkaitan perkara ini, sebagaimana berikut:

“Learning disabilities is a generic term that refers to a heterogenous group of disorder manifestes by significant difficulties in the acquisition and use of listening, speaking, reading, writing, reasoning, or mathematical abilities. These disorder are intrinsic to the individual and presumed to be due to central nervous system dysfunction.” (p. 4)

Berdasarkan penerangan di atas nyatalah bahawa bermasalah pembelajaran merujuk kepada orang biasa yang mengalami lebih daripada satu kategori ketidakupayaan dan kecelaruan yang mengakibatkan tumpuan mereka terganggu.

1.10 Kesimpulan

Dalam melaksanakan program inklusif ini semua pihak yang terlibat dengannya samada secara langsung mahupun tidak langsung perlu tahu dan faham mengapa program inklusif ini perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Memandangkan ianya mempunyai perkaitan dengan masa hadapan dan kemampuan berdikari bagi setiap individu berkeperluan khas maka adalah sangat penting perlaksanaannya diberi perhatian serius agar pelajar-pelajar ini dapat turut mencapai kesempurnaan hidup yang lebih baik. Dengan adanya kajian-kajian berkaitan keberkesanan dan permasalahan yang timbul dalam melaksanakan program ini, diharap ianya akan dapat terus membekalkan maklumat berguna demi mempertingkatkan kualiti pengurusan dan pelaksanaan program inklusif ini.

RUJUKAN

Ahmad Zailani. (2011). J-Qaf Pendidikan Khas. Pendidikan Inklusif. Diambil daripada

<<http://jqafpendidikankhas.blogspot.com/2011/01/pendidikan-inklusif.html>>

Aliahzaid. (2012). Bicara Guru Pendidikan Khas Inklusif 2. Diambil daripada

<<http://ahliazaid.blogpost.com/2012/09/bicara-guru-pendidikan-khas-inklusif-2.html>>

Azad Athahiri Anuar dan Norsayyidatina Che Rozubi. (2010). Keperluan Pendidikan Inklusif dalam Program Pendidikan Arus Perdana di Malaysia. Bangi. UKM.

Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). Maklumat Pendidikan Khas 2008. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2007 : Garis Panduan Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Guru Resos Program Pendidikan Khas Intergrasi Bermasalah Penglihatan. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

British Columbia Ministry of Education. (2011). Special Education Services : A Manual of Polocies, Procedures and Guidelines. Canada.

Cheenail, R. J. (2011). Ten Steps for Conceptualizing and Conducting Qualitative Reserch Studies in a Pragmatically Curious Manner. The Qualitative Report Volume 16 Number 6 November 2011 1713-1730.

Colorado Department of Education (2008). Specific Learning Disabilities (SLD).

Diambil daripada <<http://www.cde.state.co.us/cdesped/SD-SLD.asp>>

Ensaiopedia Wikipedia (2007). Mainstreaming (Education). Diambil daripada

<[http://en.wikipedia.org/wiki/Mainstreaming_\(education\)](http://en.wikipedia.org/wiki/Mainstreaming_(education))>

Georgiandaily.com (2008). Inclusive Education: The Problem and Achievement. Diambil

daripada<http://georgiandaily.com/com/index.php?option=com_content&task=view&id=3558&Itemid=78>

Ghazali Darusalam (n.d). Keesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Maktab Perguruan Islam. Bangi. UKM.

Gorman J. C. (1999 Understanding Children's Hearts and Minds: Emotional Functioning and Learning Disabilities. Diambil daripada <<http://www.ldonline.org/article/6292>>

Hamimi Fadziati, Afida, Asraf dan Muhd. Fauzi. (2009). Implikasi Program Pendidikan Luar Terhadap Keyakinan Diri Pelajar. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina (PeKA'09). Kongres Pengajaran dan Pembelajaran. Bangi. UKM.

Hariyanto, S. Pd. (2010). Teori Belajar Gestalt. Diambil daripada

<<http://belajarpsikologi.com/teori-belajar-gestalt/>>

Harrington S. A. (1997). Full Inclusion for Student with Learning Disabilities: A Review of the Evidence. *The School Community Journal*, vol. 7(1), pp. 63-71. Spring/Summer 1997.

Heward, W. L. (2006). Characteristics of Learning Disabilities in Students. Pearson Allyn Bacon Prentice Hall. Diambil daripada <www.education.com/print/characteristics-learning-disabilities/>

Kamaliah Muhammad dan Wan Amimah Wan Mahmud (2010). *Perlaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Autistik di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes*. Perak : Universiti Perguruan Sultan Idris. Tanjung Malim.

Kamus Dwibahasa Oxford Fajar Edisi Kelima (2011). Shah Alam: Oxford Fajar Bakti Snd. Bhd.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Perkhidmatan yang Disediakan Bagi Kanak-Kanak Kurang Upaya*. Diambil daripada <http://www.orkids.org.my/vl/index.php/helpasupport/helpasupport/202-kementerian-pelajaran-malaysia>

Lamport, M. A., Graves, L. dan Ward, A. (2012). *Special Needs Students in Inclusive Classrooms: The Impact of Social Interaction with Emotional and Behavioral Disabilities*. *European Journal of Business and Social Sciences*, Vol. 1 (5), pp. 54-69.

Lewis, R. B. dan Doorlag, D. H. (2003). *Teaching Special Students in General Educations Classrooms*. New Jersey: Pearson Education, Inc.

Lyon G. R. dan Chhabra V. (2004). *The Science of Reading Reserch*. Diambil daripada <http://www.ascd.org/publications/educational-leadership/mar04/vol61/num06/The-Science-of-Reading-Reserch.aspx>.

Mohd. Anuar dan Rosli (n.d). *Perlaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Kertas Projek Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.

- Mohd. Hairol (2012). Masalah Pembelajaran. Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/jpnmelaka/upkhas/index.php/en/site-map/masalah-pembelajaran>
- Mohd. Hanafi Mohd. Yasin, Hasnah Toran dan Shaharuddin Shaari (2008). Pelaksanaan Program Inklusif di Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Harian. Educationist Vol. 11 No. 1. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Rekabentuk Tinjauan Soalselidik Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar dan Sanisah Jahaya (2006). Bias Pebgajaran Guru Dalam Pelajaran khas dan pelajaran Normal. Kertas Projek Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Mohd. Rizal Mohd. Said dan Muallimah Arshad (2008). Masalah Guru Pendidikan Khas Intergrasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah, Daerah kota Tinggi, Johor. Kertas Projek Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Mohd. Majid Konting (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murugiah Velayutham (1997). Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Snd. Bhd.
- National Joint Committee on Learning Disabilities (1991). Learning Disabilities: Issues on Definition. Diambil daripada <http://www.asha.org/policy/RP1991-00209/>

Shifrer D. and Callahan R. (2012). *Stigma of a Label : Educational Expectations for High School Students Labeled With a Learning Disability*. Austin : The University of Texas.

Stout K. S. (2001). *Spesial Education Inclusion*. Diambil daripada

http://www.weac.org/Issues_Advocacy/Resource_Pages_On_Issues_one/Special_Education/special_education_inclusion.aspx

Sue (2012). *Isu Pendidikan Inklusif*. Diambil daripada

<http://cikgusuepkhas.blogspot.com/2012/02/isu-pendidikan-inklusif.html>

Sue (2012). *Isu Sokongan Pihak Sekolah*. Diambil daripada

<http://cikgusuepkhas.blogspot.com/2012/02/isu-sokongan-pihak-sekolah-kepada.html>

Supiah Saat (2005). *Komitmen Dan Peranan Guru Dalam Perlaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Siti Fatimah dan AB. Halim. (2010). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 2010 53-64.

The Kiwanis Disability Information and Support Centre (2009). *Perkhidmatan Yang Disediakan Bagi Kanak-Kanak Kurang Upaya*. Kuala Lumpur . Diambil daripada <http://www.disabilitymalaysia.com/index2.php?type=view&table=factsheet&id=68>

Thomas J. (2010). *Understanding Children's Hearts and Minds : Emotional Function*.

Diambil daripada <http://www.specialeducationadvisor.com/developing-time-management-skills/>

Voughn S, Bos C. S., Schumn J. S. (2003). Teaching Exceptional, Diverse and At-Risk Students in the General Education Classroom. Boston: Pearson Education, Inc. Allyn and Bacon.

Wang, H. L. (2009). Should All Students with Special Education Needs (SEN) Be Included in Mainstream Education Provision? – A Critical Analysis. International Educations Studies Vol. 2 (4), pp. 154 - 161.

Watson, S (2013) Mainstreaming. Diambil daripada
<<http://specialed.about.com/od/specialedacronyms/g/mainstream.htm>>

Wood, J. W. (2002). Adapting Instruction To Accommodate Students In Inclusive Settings. Merrill Prentice Hall. New Jersey.

Yusof dan N Azlinda. (2011). Kepuasan Pelajar Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Kualiti Perkhidmatan di Pusat Kesihatan UTM. Journal of Education Management, Vol. 1, pp. 103 - 120.

_____ “Intergration is not Inclusion”. (2001). Definitions of Segregation, Intergration and Inclusion–Alliance for Inclusive Education. Diambil daripada
<<http://www.allfie.org.uk/pages/useful%20info/intergration.html>>

_____ “Pendidikan Inklusif”. (2011). Diambil daripada
<<http://nuraminamyblog.wordpress.com/2011/12/19/pendidikan-inklusif/>>

_____ “Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran: Sejarah Pendidikan Khas Di Malaysia”. (2011). Diambil daripada
<<http://pendidikankhask16.blogspot.com/2010/07/sejarah-pendidikan-khas-di-malaysia.html>>

_____ “Pengurusan Sekolah”. (n.d). Retrieve from
<[http://www.ppdtimurlaut.edu.my/pengurusansekolah/index.php?option=com_content
&view=article&id=63&Itemid=73](http://www.ppdtimurlaut.edu.my/pengurusansekolah/index.php?option=com_content&view=article&id=63&Itemid=73)>

_____ “Teaching Special Education Classes” (2013). Concordia University. Retrieve
from<[http://education.cu-portland.edu/blog/special-ed/teaching-special-education-
classes/](http://education.cu-portland.edu/blog/special-ed/teaching-special-education-classes/)>